



IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Manusia mempelawa individu yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan Jawatan di PTPK seperti berikut:

Jawatan	:	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Penempatan	:	Bahagian Kewangan Korporat, Pelaburan & Akaun PTPK, Kuala Lumpur
Taraf Jawatan	:	Sambilan
Gaji	:	RM54.00 sehari
Kekosongan	:	3 Jawatan

SYARAT KELAYAKAN:

1. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
2. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PERMOHONAN:

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ini dikeluarkan.

PEMATUHAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Calon-calon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

CARA MEMOHON:

1. Calon-calon yang berminat adalah dipelawa mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang permohonan secara manual yang boleh didapati di Cawangan Pengurusan Sumber Manusia (PSM), PTPK atau melalui laman web rasmi PTPK di www.ptpk.gov.my beserta keterangan peribadi yang lengkap (resume/ *curriculum vitea*) mengenai kelayakan dan pengalaman.
2. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar selewat-lewatnya **30 JULAI 2020 (KHAMIS)** ke alamat:

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Aras 11, 12C, 15-19 & 27, Menara Dato'
Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra
(PWTC) No. 45 Jalan Tun Ismail
50530 Kuala Lumpur
(u.p: Cawangan Pengurusan Sumber Manusia)

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatatkan di sudut atas sebelah kiri sampul surat.

3. Sebarang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya.

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI:

Sebarang pertanyaan boleh hubungi pegawai seperti berikut:

	<u>Nama</u>	<u>No. Telefon</u>	<u>E-mel</u>
1.	Encik Mohd Khalil Bin Abdul Rahman	03-4047 6102	khalil@ptpk.gov.my
2.	Encik Amir Bin Abdul Hamid	03-4047 6096	amir@ptpk.gov.my